

**D.R. 36/2024**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 2**

2. Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 2(1)—

(a) dalam takrif “kawasan ditetapkan”, dengan menggantikan perkataan “dan Pangkor” dengan perkataan “, Pangkor dan Pulau 1”; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “petroleum” takrif yang berikut:

‘ “Pulau 1” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967;’.

### **Pindaan seksyen 49**

3. Seksyen 49 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Dalam hal Pulau 1, Akta ini hendaklah terpakai bagi apa-apa barang bercukai yang dikilangkan di Pulau 1, selain apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri melalui suatu perintah yang disiarkan dalam *Warta*.”.

### **Seksyen baharu 49A**

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 49 seksyen yang berikut:

#### **“Perniagaan runcit di Pulau 1**

**49A.** (1) Tiada seorang pun boleh menjual secara runcit apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 50(2)(a) di Pulau 1 tanpa kelulusan Menteri.

(2) Permohonan bagi kelulusan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri dalam peraturan-peraturan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.”.

## Pindaan seksyen 50

### 5. Seksyen 50 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1);
- (b) dalam perenggan (1)(a) yang dinomborkan semula, dengan memasukkan selepas perkataan “kawasan ditetapkan” di mana-mana jua terdapat perkataan “selain Pulau 1”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Jika kawasan ditetapkan ialah Pulau 1—

(a) cukai jualan hendaklah dilevikan dan kena dibayar ke atas semua barang—

(i) diimport ke dalam Pulau 1; atau

(ii) diangkut dari Malaysia, kawasan ditetapkan atau kawasan khas ke Pulau 1,

selain barang yang diisytiharkan dari semasa ke semasa oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

(b) cukai jualan hendaklah dilevikan dan kena dibayar ke atas semua barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan (a) diangkut dari Pulau 1 ke Malaysia seolah-olah pengangkutan ke Malaysia itu ialah pengimportan ke dalam Malaysia;

(c) tiada cukai jualan boleh dilevikan dan kena dibayar ke atas apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan (a) diangkut dari Pulau 1 ke kawasan ditetapkan yang lain atau kawasan khas; dan

(d) nilai jualan barang bercukai yang boleh dikenakan cukai jualan mengikut perenggan (a) atau (b) hendaklah ditentukan mengikut subseksyen 9(2).”.

**Pindaan seksyen 54**

6. Seksyen 54 Akta ini dipinda dengan menggantikan perkataan “perenggan 50(a)” dengan perkataan “perenggan 50(1)(a) atau 50(2)(a)”.

**Pindaan seksyen 57**

7. Seksyen 57 Akta ini dipinda—

(a) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika kawasan ditetapkan di bawah subperenggan (1)(a)(iii) ialah Pulau 1, tiada cukai jualan boleh dilevikan dan kena dibayar ke atas apa-apa barang bercukai yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 50(2)(a) yang diangkut dari kawasan khas ke Pulau 1.”.

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018 (“Akta 806”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 806.

*Perenggan 2(a)* bertujuan untuk memasukkan Pulau 1 dalam takrif “kawasan ditetapkan”.

*Perenggan 2(b)* bertujuan untuk memasukkan takrif baharu “Pulau 1” ke dalam Akta 806.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 49(2) ke dalam Akta 806. Subseksyen 49(2) yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian cukai jualan bagi barang bercukai yang dikilangkan di Pulau 1, selain apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 50(2)(a) yang dicadangkan.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 49A ke dalam Akta 806 untuk melarang penjualan secara runcit apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 50(2)(a) yang dicadangkan di Pulau 1 tanpa kebenaran Menteri terlebih dahulu.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 50(2) ke dalam Akta 806. Subseksyen 50(2) yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian cukai jualan berhubung dengan barang yang diimport ke dalam Pulau 1, atau diangkut dari Malaysia, kawasan ditetapkan atau kawasan khas ke Pulau 1 atau dari Pulau 1 ke Malaysia, kawasan ditetapkan atau kawasan khas.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiada cukai jualan boleh dilevikan dan kena dibayar ke atas apa-apa barang bercukai yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 50(2)(a) yang diangkut dari kawasan khas ke Pulau 1.

8. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3377]